

BULETIN

Uniti

EDISI KHAS 2024



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



Kembara
PERPADUAN



SEKAPUR SIREH

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan

Dengan penuh rasa syukur, saya berharap agar penerbitan bagi Buletin Uniti Edisi Khas ini akan menjadi satu wadah perhubungan antara pihak Kementerian dan juga masyarakat umumnya serta para wakil rakyat khususnya.

Malaysia adalah sebuah negara yang memiliki kepelbagaian kaum, adat, budaya, serta kepercayaan beragama. Kepelbagaian ini adalah warisan sejarah pembentukan Malaysia yang seharusnya dirai dan dipelihara agar perpaduan dan keharmonian dapat dikekalkan.

Kementerian Perpaduan Negara sentiasa memberikan tumpuan dalam meningkatkan semangat perpaduan, kenegaraan, jati diri, kasih sayang, kesukarelawan dan muhibah dalam kalangan rakyat Malaysia. Fokus KPN adalah untuk mewujudkan platform integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program. Ia dilihat sejajar dengan komitmen Kerajaan untuk memastikan setiap rakyat Malaysia merasai keadilan, kesaksamaan dan keamanan selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara yang menjadi tunjang kepada perpaduan nasional.

Kementerian Perpaduan Negara sedang melaksanakan Indeks Perpaduan Nasional 3.0 dengan menasaskan kenaikan kepada 0.7 peratus menjelang 2025. Saya berharap agar dengan komitmen dan kerjasama semua pihak terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mampu mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu, adalah penting untuk kita semua menerapkan dan menyebarluaskan konsep faham, hormat dan terima dalam masyarakat bagi memastikan keharmonian dan perpaduan ini kekal selamanya menjadi milik kita semua.

Buletin UNITI Edisi Khas ini diterbitkan bagi memberi gambaran jelas terhadap segala usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam menjayakan agenda perpaduan negara seiring dengan konsep Malaysia MADANI yang di bawa oleh Kerajaan.

YB DATUK AARON AGO DAGANG
Menteri Perpaduan Negara

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT:

DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD
KETUA SETIAUSAHA

MOHAMAD SOBRI BIN MAT DAUD
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA

KETUA PENGARANG:

MUTIA AZURA BINTI MOHAMED
NOR SUZAMAN BIN ABDUL RAHMAN

KETUA PENYELARAS:

NUR EMIELIANA BINTI ISHAK
NUR FARHANA BINTI ABDUL RAZAK

PENYELARAS:

DR. AANANTHI A/P THURAISAMY
MOHD RIZAL BIN NAWABJAM
RINA BINTI AB HARUN
AHMAD NAZRI BIN MD NOR
P. VENUKANNA A/L PARAMAN
SAFIDAH BINTI ABU SAMAH
HANIZAH BINTI JONOH
FAIROJIBANU BINTI ZAINAL ABIDIN
NORWAHIDAH BINTI ZINALIBIDIN
ZAINAB BINTI RAHMAT
WAN ZUMAIZA BINTI WAN MUSTAPHA
AZRAM FEERDAUS BIN ZAINAL ABIDIN

FOTO:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA, JABATAN & AGENSI

Sidang redaksi Buletin UNITI Edisi Khas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tinggi KPN dan semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Sebarang maklumat dan pertanyaan lanjut sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 5, Blok F9, Parcel F,
Lebuhraya Timur,
Presint 1, 62000 Putrajaya.



ISI KANDUNGAN

Sekapur Sireh

Isi Kandungan

DASAR PERPADUAN NEGARA	4
KERANGKA PERPADUAN MALAYSIA MADANI	5
FLAGSHIP KEMBARA PERPADUAN SEMARAK KENEGARAAN	6
	7

EKSPLORASI RUKUN NEGARA
 KEM PERPADUAN ANAK MALAYSIA
 PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN
 PROGRAM SEKRETARIAT RUKUN NEGARA (SRN)
 CITRA NUSA@MUZIUM

18

KOMUNITI RAHMAH 39

INISIATIF PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA SEBAGAI
 PENGGERAK KOMUNITI PROGRESIF
 MEREMAJAKAN SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS)
 MENGANGKASA MEDIATOR KOMUNITI
 TUISYEN KAMI
 KESUKARELAWANAN

TADBIR URUS PERPADUAN 51

MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN)
 JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA
 (HARMONI)
 MAJLIS MESYUARAT YB MENTERI PERPADUAN NEGARA
 BERSAMA MENTERI PERPADUAN NEGERI SABAH DAN
 SARAWAK SERTA EXCO-EXCO PERPADUAN NEGERI (MExUnity)

FRIENDS OF UNITY (FoU) 54

INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNAS) 56

KERATAN AKHBAR 57

DASAR PERPADUAN NEGARA

BERASASKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN & RUKUN NEGARA



TERAS 1

PATRIOTISME & DEMOKRASI

TERAS 2

IDENTITI NASIONAL

TERAS 3

EKOSISTEM PERPADUAN

PERNYATAAN DASAR

Dasar Perpaduan Negara ialah dasar payung yang melakar usaha berterusan bagi memupuk dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia melalui konsep "Perpaduan dalam Kepelbagaian" untuk melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini



DILANCARKAN PADA
15 FEBRUARI 2021

OBJEKTIF DASAR PERPADUAN NEGARA



Menguatkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.



Membentuk **identiti nasional** dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab.



Melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

KERANGKA PERPADUAN MALAYSIA MADANI

MEMBANGUN MALAYSIA MADANI (Masyarakat yang maju, terampil dan terangkum)



PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN (UNITY IN DIVERSITY)



KEMBARA PERPADUAN MALAYSIA MADANI





SEMARAK KENEGARAAN



Program kenegaraan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

SEMARAK PERPADUAN



Program bagi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya. Bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian, aktiviti yang dilaksanakan akan menambah dan mempelbagaikan tapak integrasi dan medium interaksi sosial agar detik-detik perpaduan atau *moment of unity* akan sentiasa dilihat, didengar dan dirasai di setiap lapisan masyarakat.

KOMUNITI RAHMAH



Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti.

SEMARAK KENEGARAAN



EKSPLORASI RUKUN NEGARA

Program Eksplorasi Rukun Negara (ERN) telah diperkenalkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada 13 Ogos 2023 sebagai satu usaha memperkasakan pembudayaan Rukun Negara dalam kehidupan seharian masyarakat. Langkah ini disifatkan sebagai ejen penyatupaduan, menegaskan komitmen KPN terhadap pembinaan identiti nasional yang kukuh.

ERN memberi penekanan kepada empat (4) nilai teras iaitu:



Patriotisme & Kenegaraan




Inovasi & Teknologi Digital



Kesukarelawan & Kepimpinan



Jati diri

OBJEKTIF:**IMPAK**

- Kesedaran masyarakat umum yang lebih tinggi terhadap aspirasi Rukun Negara
- Peningkatan semangat patriotisme dan kenegaraan dalam kalangan generasi muda
- Peningkatan penjenamaan dan pendedahan di media sosial

PELAKSANAAN PROGRAM

Majlis Peluncuran Eksplorasi Rukun Negara
13 Ogos 2023



Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Sekolah (Kanak-kanak / Pelajar Sekolah)
14 Ogos 2023

Bacaan ikrar serentak melibatkan **36,211 orang murid**



Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Institut Pengajian Tinggi (Mahasiswa)
2 Oktober 2023

Melibatkan **3,200 pelajar baharu dan 300 staf Universiti Putra Malaysia (UPM)**



Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Parlimen
27 Februari 2024
Lafaz ikrar Rukun Negara secara penuh bermula daripada mukadimah dibaca di Dewan Rakyat,
Parlimen Malaysia

KEM PERPADUAN ANAK MALAYSIA

Kem Perpaduan Anak Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 telah diadakan pada 25 - 29 September 2024 di Kuching, Sarawak. Program yang bertemakan “Menjiwai Rukun Negara” ini, adalah berteraskan konsep Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian seiring dengan objektif meningkatkan semangat patriotisme serta mengukuhkan perpaduan dalam kalangan pelajar.



Sekitar Majlis Perasmian Penutup Kem Perpaduan Anak Malaysia peringkat Kebangsaan Tahun 2024 yang diadakan di Centre for Technology Excellence (Centexs), Kuching, Sarawak

IMPAK

- Meningkatkan kemahiran kepimpinan dan jati diri peserta sekaligus dapat melahirkan modal insan yang berkualiti dalam kalangan ahli Kelab Rukun Negara.

PENCAPAIAN

- **Seramai 124 peserta pelbagai etnik** dari seluruh negara yang terdiri daripada murid sekolah rendah dan sekolah menengah telah menyertai kem ini.

PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN

Program Mengenang Negarawan merupakan program *signature* Arkib Negara Malaysia (ANM) yang dilaksanakan pada setiap tahun bagi mengenang dan memperingati jasa serta sumbangan para negarawan yang diabadikan dalam Arkib Memorial.

Objektif program ini adalah untuk menyebarkan luas dan memasyarakatkan informasi berkaitan sejarah kemerdekaan dan penubuhan Malaysia, tokoh Perdana Menteri dan tokoh-tokoh negarawan bagi mengisi jurang pengetahuan rakyat khususnya generasi muda berkenaan sejarah negara.

Program Mengenang Negarawan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj "Negarawan Sejuta Jasa"

5 Ogos 2024, Bukit Jalil, W.P. Kuala Lumpur

Sebagai apresiasi terhadap pengorbanan, jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra ketika era pentadbirannya seawal tahun 1940an – 1970an.

Program Mengenang Negarawan Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah anak Barieng "Negarawan Terbilang"

9 September 2024, Kuching, Sarawak

Bagi mengenang pengorbanan, jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah anak Barieng di Malaysia dan Sarawak khususnya.



Majlis Perasmian Program Mengenang Negarawan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj "Negarawan Sejuta Jasa"



Majlis Perasmian Program Mengenang Negarawan Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah anak Barieng "Negarawan Terbilang"



PROGRAM SEKRETARIAT RUKUN NEGARA (SRN) PROGRAM DISKUSI PERPADUAN: *CHIT CHAT BELIA* TAHUN 2024

Program Diskusi Perpaduan : *Chit Chat* Belia adalah salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) seiring dengan makluman Nota Jemaah Menteri bertarikh 6 Januari 2021 yang menggalakkan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi menyemarakkan usaha memperkukuh pendidikan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan mahasiswa.

OBJEKTIF

- Memperkukuh dan memantapkan pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kehidupan seharian
- Meningkatkan dan mengukuhkan pengetahuan berhubung isu semasa terutamanya berkaitan perpaduan
- Menerapkan nilai masyarakat MADANI dalam memperkasakan identiti Nasional

2023

8 SIRI

Pelaksanaan program diterajui oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terpilih.

2024

16 SIRI

(melibatkan 16 JPNIN Negeri dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

IMPAK

Mahasiswa dapat memahami, mengaplikasi dan hubung kait Rukun Negara dalam kehidupan seharian.

PENCAPAIAN

16 buah program pengukuhan dan pemahaman Rukun Negara telah dilaksanakan yang melibatkan penyertaan fizikal sebanyak **6,342 orang mahasiswa**.



Pelaksanaan Program Diskusi Perpaduan: *Chit Chat* Belia Tahun 2024 yang bertemakan "Perpaduan Dalam Kepelbagaian" telah diadakan pada Julai 2024 – Oktober 2024



DEBAT PERPADUAN PIALA MENTERI PERPADUAN NEGARA

Program ini merupakan satu medium yang holistik dalam membentuk pemikiran mengenai kepentingan keharmonian masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama serta bertindak sebagai medan pertukaran idea mengenai isu semasa serta mengenal pasti idea-idea baharu sebagai langkah penambahbaikan.

OBJEKTIF

- Membentuk pemikiran mahasiswa secara holistik dari aspek pemahaman dan penerimaan terhadap kepelbagaian agama, budaya dan adat resam
- Membudayakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Perpaduan melalui wahana perdebatan
- Pengukuhan semangat perpaduan dalam kalangan mahasiswa melalui perdebatan yang berteraskan Rukun Negara

TAJUK DEBAT

- **Pusingan Akhir - Politik perkauman ancaman besar kepada perpaduan nasional**



JOHAN
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

1

NAIB JOHAN
Universiti Malaya (UM)

2

**PEMENANG
PUSINGAN
SEPARUH AKHIR**

- Universiti Utara Malaysia (UUM)
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

**PEDEBAT
TERBAIK
KESELURUHAN**

- Mohamad Fazli bin Losimin
(Universiti Malaysia Sabah)

**PEDEBAT
TERBAIK AKHIR**

- Rasyiqah binti Uniqkutti
(Universiti Sains Islam Malaysia)



Sekitar pusingan akhir Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara dan Majlis Perasmian Penutupan yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang bertempat di Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor



CITRA NUSA@MUZIUM

Citra Nusa@Muzium telah diperkenalkan pada tahun 2023 yang dikendalikan oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang berperanan sebagai *custodian of heritage*. Program ini dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan cintakan negara dalam kalangan masyarakat yang berteraskan warisan seni dan budaya. Ia mensasarkan penyertaan seluruh masyarakat daripada pelbagai latar belakang budaya dan kaum.



CITRA NUSA@MELAKA
17 - 21 Februari 2024
Bastion House, Bandar Hilir, Melaka



**FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA
PERINGKAT KEBANGSAAN**
13 - 22 Mei 2024
Pulau Pinang



**PERSIDANGAN ANTARABANGSA SEJARAH KEDAH TUA
BERDASARKAN CATATAN YI JING**
11 - 13 Julai 2024
M Resort & Hotel, Kuala Lumpur



CITRA NUSA @ MAGIS BELANTARA

10 - 11 Ogos 2024 (sempena Sambutan Hari Orang Asli Sedunia pada 9 Ogos 2024)
Dataran Muzium Negara



MUSEUM UNITI TRAIL

10 Ogos 2024
Dataran Muzium Negara



CITRA NUSA @ INDONESIA: KITA SERUMPUN
1 - 31 Ogos 2024
Muzium Kebangkitan Nasional, Jakarta



BERMALAM DI MUZIUM PERDANA
30 - 31 Ogos 2024
Muzium-muzium yang terlibat di seluruh negara

SEMARAK
PERPADUAN

Sambutan
MINGGU
PERPADUAN
2024



- **Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2024** telah diadakan di pekarangan Plaza Angsana Johor Bharu Mall, Johor pada 23 hingga 26 Mei 2024. Majlis perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2024 telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 25 Mei 2024.
- Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2024 merupakan kesinambungan daripada sambutan kali pertama yang diadakan di Sarawak pada tahun 2023 dan telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.
- Program ini turut dilaksanakan di peringkat negeri yang berlangsung sepanjang 20 April hingga 28 Julai 2024 melibatkan **15 negeri** di seluruh negara.
- Pelbagai program menarik turut diadakan sempena Sambutan Minggu Perpaduan yang melibatkan Pameran Rumah KAMI (Etnik), Pameran Malaysia Bertuah Tanah Berdaulat, Permainan Tradisional, Jualan RAHMAH, Jualan Usahawan Perpaduan dan sebagainya.

OBJEKTIF

- Meningkatkan kesedaran rakyat berbilang kaum tentang betapa pentingnya perpaduan negara dan integrasi nasional untuk dipelihara dan dikekalkan bagi membentuk sebuah negara yang harmoni, sejahtera dan stabil;
- Menyemarakkan semangat patriotik, taat setia dan perasaan cintakan negara dengan memahami dan menghayati Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara bagi membentuk warganegara yang bertanggungjawab, bertoleransi dan mempunyai jati diri yang kukuh;
- Mewujudkan masyarakat yang menjadikan elemen perpaduan sebagai teras dalam setiap tindakan dan interaksi mereka berlandaskan semangat hormat menghormati, bekerjasama, bermuafakat serta bertoleransi; dan
- Menyediakan ruang, peluang serta suasana yang merangsang masyarakat berinteraksi melalui program dan aktiviti yang dianjurkan.





IMPAK

99.12%

Responden bersetuju program ini meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan memelihara perpaduan dalam negara

99.27%

Responden bersetuju boleh menerima perbezaan budaya & batas agama rakan etnik lain serta pernah menghadiri program berbentuk perpaduan

99.29%

Responden bersetuju program ini perlu diteruskan pada & mencapai objektif yang disasarkan

99%

Responden sangat menghargai kepelbagaian yang ada di negara ini & memahami kepentingan memelihara perpaduan & keharmonian kaum

Jumlah jualan melibatkan usahawan perpaduan & Food Unites sepanjang 4 hari

RM856,031.00



PENCAPAIAN



Keseluruhan bilangan
pengunjung SMP 2024

269,312

THE MALAYSIA
BOOK OF
RECORDS

*Most participants in Kacang Pool
Eating Session*
seramai **2,568** peserta mencipta
detik-detik perpaduan





RUMAH KAMI

Rumah KAMI merupakan platform promosi yang mempamerkan kebudayaan pelbagai etnik dan kaum di Malaysia meliputi lima (5) elemen utama iaitu pakaian, makanan, permainan tradisional, adat perkahwinan dan alat muzik. Pameran ini bertujuan untuk meraikan kepelbagaian tradisi dan kebudayaan yang pelbagai corak.

23

Rumah Etnik dipamerkan sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2024

- MELAYU
- CINA
- INDIA
- BUGIS
- SIAM
- PORTUGIS MELAKA
- BABA NYONYA
- CHETTI MELAKA
- JAWA
- KADAZAN DUSUN

- INDIA MUSLIM
- BANJAR
- MELAYU NEGERI SEMBILAN
- KERINCI
- SIKH
- MELANAU
- BIDAYUH
- MURUT DAN RUNGUS
- KENYAH
- BAJAU/SULUK BRUNEI

- MELAYU BRUNEI
- PERKAMPUNGAN RUMAH PANJANG IBAN
- PERKAMPUNGAN RUMAH ORANG ASLI (SEMAI, MAH MERI & SELETAR)



Pameran Perkampungan Rumah Panjang Etnik Iban



Pameran Perkampungan Orang Asli

RUMAH KAMI



FOODUNITES

Makanan adalah satu lambang kepelbagaian yang mencerminkan komposisi pelbagai kaum. FoodUnites menjadi tapak integrasi untuk mengukuhkan jalinan interaksi sosial 'inter' dan 'intra' etnik di Malaysia dengan menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan rakyat melalui makanan.

Pelaksanaan FoodUnites berkonsepkan festival makanan turut tersulam warisan perhimpunan budaya yang merentasi waktu, membawa kehidupan kepada cerita-cerita di sebalik setiap hidangan, dan mengajak masyarakat untuk menghargai kekayaan kuliner yang menjadi warisan pelbagai kaum masyarakat di Malaysia.



FoodUnites yang telah diadakan di Kuching Waterfront, Sarawak pada 3 & 4 Februari 2024



FoodUnites telah memberi impak dari segi 'Knowledge Attitude Practice'

80K

Jumlah pengunjung FoodUnites Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2024



FoodUnites yang telah diadakan di Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan pada 23 hingga 26 Mei 2024



INISIATIF HARMONI MADANI



Konsep yang diterapkan dalam Inisiatif HARMONI MADANI

FAHAM

HORMAT

TERIMA

OBJEKTIF

- Meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam bagi memperkukuhkan hubungan kerbersamaan dan keharmonian negara
- Membudayakan amalan menyebarkan mesej keharmonian dan muhibah antara penganut pelbagai agama di Malaysia
- Meningkatkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

1. Jalinan Harmoni

Program-program di peringkat komuniti yang memberi tumpuan kepada interaksi berkesan dalam kalangan masyarakat.

3. Wacana Ilmu

Perkongsian maklumat seperti dasar-dasar kerajaan, kajian dan penerokaan ilmu, tatacara dan amalan terbaik (best practices) dalam menguruskan keharmonian masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum, budaya dan agama.

4

**KLUSTER
INISIATIF
HARMONI
MADANI**

2. Acara Antarabangsa

Bertujuan menggambarkan sokongan dan galakan kepada persefahaman antara budaya dan agama yang merupakan dimensi penting dalam budaya keamanan.

4. Promosi

Mempromosikan konsep faham, hormat & terima kepada masyarakat.

PROGRAM SAMBUTAN MINGGU KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (WORLD INTERFAITH HARMONY WEEK)



BIL	NEGERI	TARIKH
1	WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	3 Februari 2024
2	SELANGOR	4 Februari 2024
3	JOHOR	6 Februari 2024
4	PAHANG	18 Februari 2024
5	NEGERI SEMBILAN	2 Mac 2024
6	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	27 April 2024
7	SABAH	29-31 Mei 2024
8	SARAWAK	3 Ogos 2024
9	MELAKA	16 November 2024

INISIATIF HARMONI MADANI



MAJLIS IFTAR MADANI 2024 ANJURAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) 28 MAC 2024

Majlis Iftar MADANI telah diadakan di Bulatan Dataran Putra & Masjid Putra, Putrajaya dan dihadiri oleh YAB Perdana Menteri dan masyarakat sekitar Putrajaya. Dianggarkan melebihi 9,000 orang telah menghadiri program ini meliputi Ahli Jemaah Kabinet, Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Perkhidmatan, Ketua Agensi di bawah Menteri Hal Ehwal Agama, Ahli Tetap Sekretariat Dakwah Korporat, wakil Kementerian/Jabatan/Agensi, NGO Islam, asnaf Putrajaya dan orang awam.



PROGRAM JEJAK HARMONI PERDANA DAN MAJLIS PELANCARAN INISIATIF HARMONI MADANI TAHUN 2024 27 APRIL 2024

Program Inisiatif Harmoni MADANI dilancarkan bagi meningkatkan kefahaman rakyat Malaysia mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam bagi memperkukuh hubungan kebersamaan dan keharmonian negara. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Dewan Kalamandapam, Brickfields, Kuala Lumpur. Selain itu, Program Jejak Harmoni Perdana berkonsepkan program turun padang menyantuni pemimpin agama dan penganut di rumah-rumah ibadat (masjid, tokong, gereja, kuil dan Gudwara) turut dilaksanakan melibatkan seramai 100 orang peserta dan enam (6) rumah ibadat sekitar Brickfield, Kuala Lumpur.



PERSIDANGAN PEMIMPIN AGAMA ANTARABANGSA ANJURAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) 2024 7 MEI 2024

Persidangan Pemimpin Agama Antarabangsa 2024 anjuran JAKIM telah diadakan di Sunway Resort Hotel, Petaling Jaya dengan **penyertaan ulama dan cendekiawan dari 60 buah negara**. Program ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dihadiri oleh Sheikh Dr Mohammad Abdul Karim Al-Issa, Setiausaha Agung Liga Dunia Muslim (MWL) dan Pengerusi Pertubuhan Ulama Islam.



PODCAST BICARA HARMONI TAHUN 2024

Podcast Bicara Harmoni Tahun 2024 dikendalikan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) adalah berbentuk *talkshow* santai yang menampilkan hos dan panel jemputan daripada berlainan agama dan kaum yang terdiri daripada golongan profesional dan berpengaruh media sosial.



INISIATIF HARMONI MADANI



PROGRAM DIALOG HARMONI (INTERFAITH DIALOGUE) TAHUN 2024

Program ini diadakan bertujuan untuk menangani isu-isu yang menyentuh keharmonian antara penganut agama, meningkatkan perasaan kasih sayang, mengukuhkan pemahaman dan saling menghormati terhadap kepelbagaian budaya dan agama masyarakat Malaysia yang berbilang etnik.

DILAKSANAKAN

9 MAC 2024
PULAU PINANG

29 JUN 2024
KUALA LUMPUR

17 OGOS 2024
NEGERI SABAH



DOKUMENTARI JEJAK HARMONI TAHUN 2024

Rakaman dokumentari yang memaparkan hubungan baik antara penganut agama dan pengurusan rumah ibadat berlainan agama yang terletak berhampiran antara satu sama lain dan nilai-nilai sejagat yang menjadi amalan dan dikongsi bersama.

Enam (6) Lokasi Dokumentari Jejak Harmoni Tahun 2024:

27 April 2024
Brickfields, Wilayah
Persekutuan Kuala Lumpur

21-23 Mei 2024
Seberang Jaya,
Pulau Pinang

12-14 Jun 2024
Johor Bahru, Johor

29-31 Mei 2024
Kota Kinabalu, Sabah

6-9 Jun 2024
Dungun dan
Kuala Terengganu, Terengganu

**1-3 Jun dan 3 Ogos
2024**
Miri, Sarawak



WACANA HARMONI MADANI: HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN 14 SEPTEMBER 2024

Wacana Harmoni MADANI: "Harmoni Dalam Kepelebagaian" merupakan pendekatan wacana ilmu yang santai dan harmoni dalam meningkatkan kefahaman mengenai kepelebagaian agama, budaya dan adat resam ke arah memperkukuhkan keharmonian negara.

SESI 1

Peranan Agama Dalam Negara Merdeka

SESI 2

Jalinan Kerjasama Menjana Keharmonian Beragama

SESI 3

Peranan Generasi Muda Mendepani Perubahan global dari Perspektif Agama

SESI 4

Nilai-nilai Kecemerlangan, Dialog Bersama Ikon Belia

600

orang peserta



terdiri daripada ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN), ahli Jawatankuasa Perpaduan (MExUnity), ahli akademik, pelajar universiti awam dan swasta, guru-guru sekolah dan guru-guru tabika perpaduan, pemimpin agama dan komuniti, NGO, Kawasan Rukun Tetangga, belia, serta penjawat awam dari pelbagai Kementerian

5,300

capaian penonton

melalui aplikasi
Facebook live





BICARA BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI

Program Bicara Bahasa Kolokial merupakan satu langkah signifikan yang telah dilaksanakan oleh Arkib Negara Malaysia (ANM) dalam membina masyarakat yang menghargai warisan dan menyokong kestabilan serta kemakmuran negara. Program ini dilaksanakan bagi mendokumentasikan dan memelihara kekayaan bahasa kolokial di Malaysia. Pelbagai tema dan topik perbincangan yang diketengahkan dalam menggambarkan ciri unik dan keistimewaan bahasa kolokial dan dialek masyarakat setempat yang ada di Malaysia.

11 siri

Bicara Bahasa Kolokial pada tahun 2023 dan 2024

2023

- 1
13 Julai 2023
"Menghilir Sungai Pahang"
- 2
21 September 2023
"Telusuri Bayu Nabalu"
- 3
26 Oktober 2023
"Moh Labun Loghat Perak"
- 4
9 November 2023
"Rindok Ati Kelaka Sarawak"
- 5
14 November 2023
"Gebang Loghat Utagha"

2024

- 6
5 Mac 2024
"Cakno Loghat Kelate"
- 7
6 Jun 2024
"Merentasi Khazanah Dialek Selangor"
- 8
25 Jun 2024
"Maghi Cakak Base Tranung Kite"
- 9
15 Julai 2024
"Moh Bughak Bahaso Nogori"
- 10
8 Ogos 2024
"Meh Borak Loghat Johor"
- 11
1 Oktober 2024
"Meh Le Belajau Loghat Melaka"

**Konvensyen
Kebangsaan
Bahasa Kolokial:
Melestarikan
Keberdayaan Bahasa
Komuniti**

Menghimpunkan

25

orang pakar bahasa, ahli akademik, tokoh budaya serta penggiat seni dan budaya seluruh negara



Bicara Bahasa Kolokial yang telah diadakan sepanjang tahun 2024



LIGA SUKAN UNITI

Liga Sukan UNITI (LSU) telah mula dilaksanakan pada Tahun 2022 oleh Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Matlamat utama LSU adalah untuk mengeratkan pelbagai bangsa dan budaya melalui Detik-Detik Perpaduan 'Moments of Unity' melalui platform sukan. KPN telah menetapkan syarat penyertaan setiap pasukan yang menyertai kejohanan ini perlu terdiri daripada dua (2) kaum yang berbeza untuk saling memahami mengenai perbezaan yang wujud di antara satu sama yang lain dan meraikan perbezaan ini.





Sekitar Majlis Kick-off Program Liga Sukan UNITI Tahun 2024 yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang pada 15 September 2024 di Kota Kinabalu, Sabah



Suasana Liga Sukan UNITI Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 di Uptown Sports Bangi, Selangor pada 26 & 27 Oktober 2024



NOSTALGIA ANAK KAMPUNG

Program Nostalgia Anak Kampung atau singkatannya **NAK** merupakan program *signature* Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang diadakan selama dua (2) bulan iaitu dari bulan November hingga Disember setiap tahun. Program ini lazimnya diadakan semasa cuti persekolahan bertujuan memperlihatkan kebersamaan dan keharmonian yang terjalin di sebalik ras, agama dan budaya seiring dengan tema Perpaduan Dalam Kepelbagaian.

2023

24-26 November 2023
di Muzium Negara

Tema:
"Rentap: Adu dan Laga"

- Konsep nostalgia yang dibawakan adalah satu inisiatif bagi memperkenalkan budaya dan cara hidup orang kampung kepada warga kota Kuala Lumpur.
- Antara permainan tradisi di program NAK pada tahun 2023 iaitu silat jatuh, kabaddi, tarik tali, gusti lengan, galah panjang, xiangqi, suara burung, ayam serama dan memanah.



2024

15-17 November 2024
di Muzium Kota Kayang,
Perlis

Tema:
"Dunia Anak Bendang "

- Program ini bertujuan memupuk pemahaman dan kesedaran masyarakat terhadap kepelbagaian warisan sejarah dan budaya yang perlu dihargai dan dipertahankan sebagai identiti nasional yang diwarisi Bersama.
- Antara aktiviti yang diketengahkan di program NAK 2024 ialah gagau ikan, gerek bendang, larian bendang, lastik, memancing, serkap ikan, tangkap itik dan pelbagai aktiviti menarik yang lain.







PROGRAM JALINAN INTEGRASI NASIONAL

OBJEKTIF

- Mengukuhkan integrasi nasional melalui perkongsian kepelbagaian budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia
- Mengukuhkan konsep faham, hormat dan terima terhadap kepelbagaian bahasa dan budaya masyarakat Malaysia
- Membentuk ekosistem perpaduan yang utuh di antara anggota masyarakat di semua peringkat umur sehingga ke akar umbi

IMPAK



Peserta **dapat memahami dan menerima kepelbagaian** bahasa dan budaya masyarakat Malaysia



Mengukuhkan hubungan dan merapatkan jurang interaksi sosial antara peserta dan komuniti setempat

Program ini diadakan selama **5 hari 4 malam** yang berkonsepkan perkongsian ilmu dan aktiviti bersama komuniti



Program Jalinan Integrasi Nasional Mahasiswa

- 22 hingga 26 Ogos 2024 di MB Hotel, Tawau dan Kawasan Rukun Tetangga Kg Bugaya, Semporna, Sabah.
- Penyertaan daripada 80 orang mahasiswa tahun pertama yang berasal dari Semenanjung dan menuntut di Institut Pengajian Tinggi Sabah.



Program Jalinan Integrasi Nasional Penjawat Awam

- 7 hingga 11 September 2024 di Hotel Permai Kuala Terengganu dan Kawasan Rukun Tetangga Losong Atap Zink, Kuala Terengganu, Terengganu.
- Disertai oleh 73 orang penjawat awam yang berasal dari Borneo dan berkhidmat di Semenanjung.





INISIATIF PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA SEBAGAI PENGGERAK KOMUNITI PROGRESIF



- i. Memperkasakan agenda ekonomi komuniti RT bagi meningkatkan pendapatan isi rumah dan membantu menangani masalah kos sara hidup yang meningkat
- ii. Meningkatkan kesejahteraan sosial komuniti melalui persekitaran kejiranan yang selamat dan kondusif, pembelajaran sepanjang hayat, melestarikan alam sekitar, membudayakan inovasi dan memelihara warisan dan budaya sebagai tapak intergrasi dalam komuniti

Status pencapaian

152

KRT progresif

8 BIDANG TUMPUAN PEMERKASAAN KRT



PENDEKATAN "5C"

<p>Communicator (Penghubung)</p> <p>RT menjadi penghubung di antara komuniti dengan pihak-pihak berkepentingan dalam mengurus dan membangunkan komuniti.</p>	<p>Coordinator (Penyelaras)</p> <p>RT menyelaras aktiviti perpaduan dalam komuniti melalui perjumpaan dan perbincangan dengan pihak berkepentingan dan komuniti.</p>	<p>Conciliator (Pendamai)</p> <p>RT berperanan untuk menyediakan platform perdamaian kepada pihak-pihak yang berkonflik melalui khidmat Mediator Komuniti.</p>	<p>Collaborator (Rakan Usahasama)</p> <p>RT menjalankan kolaborasi strategik dengan pihak-pihak berkepentingan dalam menjayakan aktiviti keselamatan, kesejahteraan dan perpaduan dalam komuniti.</p>	<p>Capacity Builder (Pembina Upaya)</p> <p>RT membina upaya komuniti dalam aspek kepimpinan, pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada komuniti.</p>
--	--	--	---	---

IMPAK





MEREMAJAKAN SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS)



Skim Rondaan Sukarela telah dilancarkan secara rasmi pada

21 Februari 2004

Jumlah terkini adalah sebanyak

5,426 SRS
di seluruh Malaysia

Peranan SRS

- Membantu Kerajaan mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat dan kondusif melalui penglibatan aktif komuniti secara sukarela dalam aktiviti rondaan dan kawalan pencegahan jenayah selari dengan aspirasi “Keselamatan Komuniti Adalah Tanggungjawab Bersama”.

INISIATIF MEREMAJAKAN SKIM RONDAAN SUKARELA

- Pembangunan platform Aplikasi Digital dalam tugas rondaan & kawalan SRS secara “real time”- MySRS
- Penyediaan Fasiliti Keselamatan SRS yang lebih berkualiti dan berteknologi tinggi
- Mengoptimumkan penggunaan media sosial untuk mempromosikan SRS
- Meningkatkan budaya kesukarelawanan dalam kalangan komuniti melalui Kempen “1 Keluarga 1 Anggota SRS”

SASARAN

Sekurang-kurangnya 70% KRT mempunyai SRS

Peningkatan kekerapan rondaan dan kawalan SRS

Peningkatan jumlah anggota SRS seramai 1,000 orang setahun

MEREMAJAKAN SKIM RONDAAN SUKARELA






MENGANGKASA MEDIATOR KOMUNITI

Satu usaha berterusan KPN melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi menambahbaik perkhidmatan mediasi kepada orang awam dan memperkasa mediator komuniti sebagai pendamai dalam masyarakat dan pemangkin keharmonian negara.


STATISTIK MEDIATOR KOMUNITI




BILANGAN KES MEDIASI TAHUN 2024



STATISTIK KES MEDIASI KOMUNITI MENGIKUT TAHUN



STATISTIK PECAHAN KLUSTER KES 2024



*Bil. Kes bagi Tahun 2024 adalah sehingga 15 Oktober 2024



KONVENSYEN MEDIASI KOMUNITI 2024



Tarikh:

24 Februari 2024

Masa

8.00 pg – 6.00 ptg



Tempat:

Pusat Dagangan
Dunia (WTC),
Kuala Lumpur



Tema:

Mediator Komuniti Pemangkin
Keharmonian Negara



Jumlah Peserta

500 Orang



Pengisian:

- Pembentangan Kertas Kerja
- Wacana Mediasi
- Pentauliahian Mediator Komuniti
- Pelancaran Kit-Mediator Komuniti





SESI LIBAT URUS MEDIATOR KOMUNITI BERSAMA AGENSI (MK OPEN DAY)



PELAKSANAAN

16

Negeri

OBJEKTIF

- Memperkasa dan menjadikan Mediasi Komuniti sebagai kaedah penyelesaian alternatif dalam pengurusan konflik sosial di peringkat komuniti.
- Memperluas capaian dan promosi perkhidmatan Mediasi Komuniti melalui jaringan kerjasama dengan agensi.
- Memupuk dan memelihara perpaduan serta keharmonian masyarakat melalui Mediator Komuniti yang berperanan sebagai pendamai komuniti.



Penyertaan

955 Orang



Tempoh Pelaksanaan

Jun-Okt 2024




Kerjasama Strategik

- Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Pejabat Daerah



PUSAT MEDIASI KOMUNITI



OBJEKTIF

- Menawarkan perkhidmatan mediasi bagi membantu menyelesaikan pertikaian dan konflik di peringkat komuniti
- Memberikan perkhidmatan mediasi secara *probono* (percuma)
- Memberikan khidmat nasihat dan kaunseling
- Menjalankan aktiviti dan program promosi berkaitan Mediasi.



BILANGAN PENUBUHAN

2023

- WP Kuala Lumpur
- Perak
- Johor
- Pulau Pinang

2024

- Melaka
- Negeri Sembilan
- WP Putrajaya
- Perlis



JENIS

- Pejabat Perpaduan Negeri
- Pusat Aktiviti Perpaduan (Daerah)
- Pusat Rukun Tetangga
- Premis Serbaguna (Agensi Luar)



LOKASI

- **WP Kuala Lumpur**
Pusat Mediasi Komuniti WPKL
- **Perak**
Pusat Mediasi Komuniti Daerah Larut Matang dan Selama
- **Johor**
Pusat Mediasi Komuniti KRT Tongkang Pechah, Batu Pahat
Balai Polis Batu Pahat
- **Pulau Pinang**
Pusat Mediasi Komuniti Daerah Seberang Perai Selatan (SPS)
- **Melaka**
Pusat Mediasi Komuniti Daerah Alor Gajah
- **Negeri Sembilan**
Pusat Mediasi Komuniti Negeri Sembilan, PRT Rasah Tengah A
- **WP Putrajaya**
Pusat Mediasi Komuniti WP Putrajaya Presint 5R1
- **Perlis**
Pusat Mediasi Komuniti Negeri Perlis, PRT Pekan Pauh





TUISYEN KAMI

Tuisyen KAMI merupakan satu inisiatif untuk menyediakan peluang pendidikan tambahan secara percuma kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan.

Objektif



Memberi **pendidikan tambahan secara percuma** kepada pelajar-pelajar dari golongan B40/miskin tegar dalam Kawasan Rukun Tetangga



Membantu **meningkatkan pencapaian akademik** peserta



Memenuhi **tanggungjawab sosial** Kementerian kepada komuniti yang memerlukan



Memenuhi aspirasi Kerajaan untuk **"Memperkasakan Rakyat"**

Fokus kepada enam (6) mata pelajaran teras

bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

- ✓ Bahasa Melayu
- ✓ Bahasa Inggeris
- ✓ Matematik
- ✓ Sains
- ✓ Sejarah
- ✓ Pendidikan Islam





Peringkat Komuniti

Manfaat kepada

1,830

pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Dikelolakan oleh Kawasan Rukun Tetangga di **50 buah** lokasi di seluruh negara

Peringkat Sekolah

Manfaat kepada

484

pelajar Asnaf

- Dikelolakan oleh Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) di 5 sekolah menengah di WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Selangor, Johor dan Pulau Pinang.
- YSS juga mengadakan **10 sesi** Bengkel Teknik Menjawab Soalan SPM kepada **684 orang pelajar**.



Sesi tuisyen KAMI yang telah dilaksanakan bagi membantu pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia



KESUKARELAWANAN

Sebanyak 69 misi sukarelawan berimpak tinggi telah dilaksanakan di Sabah dan Sarawak serta negara-negara di Asia Tenggara seperti Indonesia, Lao PDR dan Vietnam. Sehingga kini seramai 2,009 orang pemimpin sukarelawan telah dilahirkan.

Sukarelawan Siswa yang mengikuti Misi Sukarelawan Siswa akan dilantik sebagai Ejen Perpaduan YSS dan membantu untuk menyemarakkan perpaduan melalui kesukarelawan.



MISI SUKARELAWAN SISWA

Misi Sukarelawan Siswa Green
Summer Volunteer Campaign
Vietnam 2024

4 Julai - 9 Ogos 2024



Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan
Siswa ke Sabah 2024
1 September - 18 September 2024



Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Sarawak 2024
25 Oktober - 10 November 2024



Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Kedah dan Kelantan
22 November - 7 Disember 2024



Mahasiswa terlibat terdiri dari pelbagai latar belakang etnik, agama, bidang pengajian dan Institusi Pengajian Tinggi merangkumi Universiti Awam, Universiti Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Pendidikan Guru.

MISI SUKARELAWAN SISWA YSS

berteraskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).



TERAS KESUKARELAWANAN YSS

- Perpaduan dan Pemeraksanaan Komuniti
- Penambahbaikan Pendidikan dan Pembangunan Kapasiti
- Kesihatan dan Kesejahteraan
- Transformasi Digital
- Ketahanan Terhadap Impak Perubahan Iklim dan Kelestarian Alam Sekitar
- Mobilisasi Impak Sosial

Tahukah Anda?

- YSS merupakan ahli berdaftar kepada Agensi Pengurusan Bencana Kebangsaan (NADMA) dan terlibat secara aktif dalam aktiviti pasca bencana di seluruh negara.
- YSS juga terlibat dalam pelbagai aktiviti kolaborasi melibatkan pelbagai agensi kerajaan, syarikat korporat dan pertubuhan bukan kerajaan bagi menyemarakkan agenda kesukarelawanan alam sekitar dan perpaduan dalam memberikan impak kepada komuniti, negara dan alam sekitar.

MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN)

Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) ditubuhkan di peringkat kebangsaan sebagai badan penasihat kepada Kerajaan dalam hal-ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan, usaha-usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) dari pelbagai sudut dan mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran perpaduan.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri II dan barisan ahli majlis terdiri daripada 17 orang tokoh masyarakat merangkumi pelbagai sektor.



Sekitar Mesyuarat MPPN Bilangan 1 Tahun 2024 yang telah diadakan pada 29 Februari 2024 bertempat di Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kuala Lumpur.

FUNGSI :

- Forum perbincangan berkaitan dengan perpaduan bersama tokoh-tokoh masyarakat;
- Menjana pemikiran dan idea ke arah penggubalan dasar-dasar perpaduan selaras dengan identiti Malaysia sebagai sebuah negara majmuk;
- Mengemukakan syor kepada Kerajaan berkenaan inisiatif atau usaha-usaha pengukuhan perpaduan nasional;
- Melaksanakan strategi komunikasi berkesan untuk menghentikan sebarang penularan isu perkauman;
- Meluluskan cadangan tentang bidang-bidang kajian yang diperlukan ke arah mengukuh perpaduan; dan
- Meneliti dasar-dasar berkaitan dan perundangan sedia ada untuk penambahbaikan.

LANTIKAN
TEMPOH
2 TAHUN

Barisan Ahli MPPN

Ahli Akademik, Aktivist Masyarakat, Wakil Badan Bukan Kerajaan (NGO), Ahli Korporat, Wakil Belfa dan Individu yang Berpengalaman dan Berkepakaran Dalam Bidang Perpaduan



2X
SETAHUN

2024
Mesyuarat MPPN

• Bilangan 1 Tahun 2024
29 Februari 2024
Kementerian Pelaburan,
Perdagangan dan Industri (MITI), KL

• Bilangan 2 Tahun 2024
16 Oktober 2024
Parlimen Malaysia



YB Datuk Aaron Ago Dagang dan YB Senator Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar semasa mempengerusikan Mesyuarat HARMONI Bil 1/2024 pada 8 Ogos 2024



JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI)

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2020 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) bagi menggantikan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang ditubuhkan pada tahun 2010 dan berakhir pada 31 Disember 2019.

Platform ini diwujudkan oleh Kerajaan untuk merapatkan jurang antara Badan-badan Agama Islam dan selain Islam serta berkongsi pandangan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan Masyarakat dan negara.

FUNGSI UTAMA

“Mencadangkan kepada kerajaan berhubung pelaksanaan strategi yang bersesuaian dan berteraskan nilai-nilai murni keagamaan demi meningkatkan kefahaman dan keharmonian mengenai kepelbagaian agama.”

“Melaksanakan secara bersama aktiviti kesedaran dan keharmonian antara penganut agama demi manfaat masyarakat.”

STRUKTUR JAWATANKUASA

- BERSIDANG 2X SETAHUN** DIPENGERUSIKAN MENTERI PERPADUAN NEGARA & MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)
- 3 WAKIL AGENSI** KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN) JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)
- 10 WAKIL AGAMA ISLAM** **15 WAKIL SELAIN ISLAM**
- BERSIDANG 4X SETAHUN** DIPENGERUSIKAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA KETUA PENGARAH JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

3
Biro

Biro Pengurusan Program & Promosi

Biro Pendidikan & Penerangan

Biro Pengurusan Isu Agama & Mediasi

MAJLIS MESYUARAT YB MENTERI PERPADUAN NEGARA BERSAMA MENTERI PERPADUAN NEGERI SABAH DAN SARAWAK SERTA EXCO-EXCO PERPADUAN NEGERI (MExUnity)



Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Negara Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MExUnity) ditubuhkan di peringkat Kementerian untuk menyokong MPPN.

Satu platform perbincangan antara Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Kerajaan Negeri mengenai dasar dan isu-isu perpaduan serta program-program perpaduan yang dirancang oleh pihak KPN untuk digerakkan pelaksanaannya di peringkat negeri dan daerah.



Mesyuarat MExUnity Bilangan 1 Tahun 2024 telah bersidang pada 27 Mei 2024 bagi membincangkan mengenai isu-isu perpaduan di Malaysia



Barisan Ahli

Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang memegang portfolio perpaduan dan EXCO yang memegang hal-ehwal agama selain Islam

PENGERUSI
Menteri Perpaduan Negara



2X
SETAHUN

Mesyuarat 2X

Bilangan 1 Tahun 2024
27 Mei 2024
Hotel Amari, Johor Bahru

Bilangan 2 Tahun 2024
10 Oktober 2024
Hotel Everly, Putrajaya

FUNGSI :

- i. Menjadi forum untuk membincangkan isu berkaitan dengan perpaduan melalui perkongsian maklumat bersama barisan EXCO;
- ii. Melaksanakan langkah yang perlu diambil bagi menyelesaikan sesuatu isu dan cadangan untuk memupuk keharmonian serta perpaduan negara;
- iii. Melaksanakan strategi komunikasi berkesan untuk menghentikan sebarang penularan isu perkauman dan pergeseran salah faham agama; dan
- iv. Meneliti keperluan menggubal atau membuat pindaan terhadap dasar dan perundangan Kementerian.



YB Datuk Aaron Ago Dagang semasa mempengerusikan Mesyuarat MExUnity Bilangan 2 Tahun 2024 pada 10 Oktober 2024 bertempat di Putrajaya

“FRIENDS OF UNITY” (FoU)

FoU merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bagi mengukuhkan kolaborasi strategik bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menjayakan agenda perpaduan melalui pelaksanaan program-program perpaduan di peringkat komuniti, daerah dan negeri serta program-program utama Kementerian. KPN telah bekerjasama dengan **lebih daripada 250 NGO** bermula pada tahun 2020 sehingga kini bagi memastikan agenda perpaduan terus dilaksanakan dan memberi manfaat di pelbagai peringkat masyarakat sehingga ke akar umbi.



Program-program menyokong inisiatif membudayakan perpaduan yang telah dilaksanakan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO)

2024 | 72 PROGRAM DILAKSANAKAN



Kluster Program



Impak inisiatif "Friends of Unity" (FoU):

Mewujudkan jaringan kolaborasi strategik antara KPN dan NGO

Pelaksanaan program-program perpaduan secara strategik dan kreatif melalui pendekatan inklusif

Menyokong inisiatif membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian dalam kalangan rakyat Malaysia

INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNas)



IPNas merupakan indeks nasional yang menjadi kayu ukur terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program oleh Kerajaan untuk memastikan sumbangannya kepada tahap perpaduan dan keharmonian negara. IPNas telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2018 dan 2022. Pelaksanaan kajian IPNas menggunakan kaedah model struktur (*structural model*) bagi mengenal pasti dan menguji secara bersama-sama dalam satu acuan model meliputi semua faktor penyumbang yang mempengaruhi pencapaian tahap kesepaduan sosial.

KAEDAH PENGUKURAN TAHAP KESEPADUAN SOSIAL

INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNas)

Merupakan Petunjuk/ Penanda aras dalam mengukur Tahap Pencapaian Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Nasional

* Kaedah Pengukuran: Skala Hair et al (2021)



More events needed to promote diverse cultures

By WENISA DEVI and THE SOJOURNERS

wenisa@sojourners.com.my

PERKOR HARI: People living in the country all have their own culture and it is important to celebrate it. The diverse cultures in this group are the strength of Malaysia. The Singapore Chinese Heritage Centre, Singapore Chinese Museum and Chinese Cultural Centre have been organising various events to promote their culture. When I stepped by one of the activities, I noticed that there were more than 50 ethnic groups in total and I was amazed to see the diversity of the group. It is a great idea to have more events about the culture of these groups so that we can better understand each other. We should also encourage the younger generation to learn about their own culture and the culture of other ethnic groups. It is important to have more events about the culture of these groups.



PERKOR HARI: People from the various ethnic groups are performing their traditional dance, the 'Peranakan', during the festival. Only those who have been invited to perform are allowed to participate.

Culture with grace: People from the various ethnic groups are performing their traditional dance, the 'Peranakan', during the festival. Only those who have been invited to perform are allowed to participate. It is important to have more events about the culture of these groups. It is important to have more events about the culture of these groups. It is important to have more events about the culture of these groups.

It is important to have more events about the culture of these groups. It is important to have more events about the culture of these groups. It is important to have more events about the culture of these groups. It is important to have more events about the culture of these groups. It is important to have more events about the culture of these groups.

Lafaz Rukun Negara di sidang Dewan Rakyat mulai esok

Malaysia Gazette, 2024-08-23



Malaysia Gazette, 2024-08-23

Malaysia Gazette, 2024-08-23

KPN cadang tubuh Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan

Malaysia Gazette, 2024-08-23



Malaysia Gazette, 2024-08-23

Malaysia Gazette, 2024-08-23

国家团结办“Back Perdana嘉年华” 大马放眼2030年成阅读国度

出版业探索新机遇

出版业探索新机遇

Kementerian Perpaduan lancar Inisiatif Harmoni MADANI

Malaysia Gazette, 2024-08-23

Malaysia Gazette, 2024-08-23

Negarawan Sejuta Jasa Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

Malaysia Gazette, 2024-08-23

Malaysia Gazette, 2024-08-23

方言口语建议纳入词典

社区语言成团结催化剂

社区语言成团结催化剂

Rukun Tetangga penggerak komuniti progresif

Malaysia Gazette, 2024-08-23

Malaysia Gazette, 2024-08-23

Cerminan Malaysia wujud dalam bahasa kolokial

Malaysia Gazette, 2024-08-23

Malaysia Gazette, 2024-08-23

支持法干: 有就融合各族 体育项目支持团结愿景

明年加入传统项目

明年加入传统项目

Alas kata trankom

Malaysia Gazette, 2024-08-23

Malaysia Gazette, 2024-08-23

Malaysia Gazette, 2024-08-23

Malaysia Gazette, 2024-08-23

Malaysia Gazette, 2024-08-23



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5-10, Blok F9, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1,
62000 Wilayah Persekutuan
Putrajaya

Tel : +603-8091 8000
Emel : pro@perpaduan.gov.my

Kementerian Perpaduan Negara

